

KENYATAAN MEDIA

Penipu Menyalahgunakan Nama Khazanah untuk Memperdaya Orang Ramai Sertai Skim Pelaburan Palsu

*Jika sesuatu tawaran kelihatan terlalu mustahil untuk menjadi kenyataan,
berhenti dan semak dahulu — ia mungkin suatu penipuan.*

KUALA LUMPUR, 23 April 2026 - Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) memaklumkan bahawa terdapat kegiatan penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang menyalahgunakan nama, logo dan identiti Khazanah untuk memperdaya orang ramai. Kegiatan ini dikesan berlaku terutamanya melalui platform media sosial dan aplikasi pesanan segera seperti Telegram.

Pihak tidak bertanggungjawab yang menyamar di sebalik akaun palsu ini cuba memperdaya orang ramai menyertai skim pelaburan tidak wujud, di samping menyebarkan maklumat yang tidak sahih berkaitan Khazanah. Terdapat juga kes di mana pihak tidak bertanggungjawab menyalahgunakan imej dan identiti kepimpinan Khazanah untuk mempromosikan pelaburan palsu.

Ketua, Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan Khazanah Nasional, Dato’ Suhana Dewi Selamat berkata, “Khazanah tidak pernah menawarkan sebarang skim pelaburan kepada orang ramai. Kami juga tidak menyediakan platform atau perkhidmatan pelaburan kepada mana-mana individu. Sebagai pelabur institusi, peranan kami adalah melakukan pelaburan jangka panjang untuk negara berteraskan hala tuju ‘Memajukan Malaysia’, dengan fokus pelaburan berdisiplin dan pengurusan bertanggungjawab.”

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak membalas sebarang mesej yang mencurigakan, tidak berkongsi maklumat peribadi, dan tidak melakukan sebarang aktiviti pembayaran kepada mana-mana individu atau entiti yang mendakwa mewakili Khazanah.

“Mana-mana pihak yang mendakwa mewakili Khazanah dan menawarkan pulangan pelaburan adalah suatu penipuan. Kami tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya dan bekerjasama rapat bersama pihak berkuasa terhadap mereka yang menyalahgunakan nama serta identiti Khazanah”, tambah Suhana.

Sekiranya orang ramai menerima sebarang kandungan yang mencurigakan dan bukan melalui saluran-saluran rasmi Khazanah, mereka digalakkan untuk menghubungi Khazanah di info@khazanah.com.my bagi tujuan pengesahan.

Untuk maklumat rasmi, orang ramai dikehendaki merujuk laman sesawang Khazanah di www.khazanah.com.my atau akaun media sosial di Facebook, Instagram dan LinkedIn.

TAMAT

Bagi maklumat lanjut, sila layari www.khazanah.com.my. Bagi urusan media, sila hubungi Regina Lee di talian +603 2034 0492, atau e-mel regina.lee@khazanah.com.my.

Mengenai Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk mencipta nilai jangka panjang dan mampan melalui pelaburan berteraskan tujuan. Sebagai pelabur jangka panjang dan pemegang amanah aset negara yang bertanggungjawab, Khazanah melabur dengan berdisiplin merentasi sektor strategik dan pemangkin, di Malaysia serta di peringkat global, sambil membentuk portfolionya secara aktif bagi memperkukuh daya tahan, daya saing dan pertumbuhan masa depan negara. Selain menjana pulangan kewangan, Khazanah turut komited untuk membina keupayaan, menyokong pembangunan inklusif dan memupuk komuniti yang maju, bagi memastikan nilai yang dicipta memberi manfaat kepada Malaysia dan negara, kini dan untuk generasi akan datang. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my.